

## **Strategi Pembelajaran Penuntut Aliran Pengajian Islam dan Hubungannya dalam Memenuhi Tuntutan Pasaran**

***Abmad Munawar Ismail***

*munawar@ukm.my*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

***Zakaria Stapa***

*karia@pkrisc.cc.ukm.my*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRAK**

Asas kepada matlamat penubuhan sesebuah institusi pendidikan tinggi adalah untuk melahirkan individu-individu yang berpengetahuan, cekap, berkemahiran tinggi dan bersedia menyerap pengetahuan dan kemahiran itu ke dalam pelbagai sektor dan organisasi. Kecenderungan individu dalam menyalurkan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki itu pula seharusnya seiring dengan strategi pembelajaran yang komprehensif dan berkesan selari dengan keperluan pasaran dan negara. Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara Malaysia pada tahun 2003 dalam satu kajiannya mendapati, pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi tidak matang dari segi hal-hal kerjaya. Pelajar-pelajar khususnya graduan daripada aliran sains sosial tidak merancang kerjaya mereka sehingga mengambil masa yang lama untuk memiliki kerjaya yang stabil dan sesuai dengan tahap pengetahuan, kemahiran dan personaliti yang mereka miliki. Justeru, satu penyelidikan ini telah dilaksanakan bagi mengenalpasti sejauhmanakah tahap kesedaran kerjaya (*career awareness*) dalam kalangan pelajar dan hubungannya dengan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar tersebut bagi mencapai aspirasi kerjaya yang ingin diceburi. Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif dengan menjadikan temubual kumpulan fokus sebagai instrumen bagi mengumpul data-data kajian. Informan bagi kajian ini terdiri daripada penuntut-penuntut aliran pengajian Islam daripada pelbagai cabang. Secara keseluruhan, hasil analisis dapatan kajian mendapati hubungan antara tahap kesedaran kerjaya dengan aspirasi kerjaya dalam kalangan informan ini berada di tahap yang sederhana. Penuntut-penuntut yang terlibat dalam kajian ini mengetahui kerjaya yang ingin mereka ceburi tetapi tidak berusaha meneliti kriteria-kriteria dan merancang strategi-strategi tertentu bagi mengetahui keperluan-keperluan berkaitan berkenaan kerjaya tersebut. Implikasinya, kemahiran-kemahiran yang mereka miliki nanti lazimnya tidak mampu memperlihatkan profisiensi kemahiran penting sebagaimana yang diperlukan oleh sektor-sektor pekerjaan yang ingin diceburi.

**Kata Kunci:** Strategi Pembelajaran, Pendidikan, Kerjaya, Pengajian Islam, Kesedaran Kerjaya.

### **ABSTRACT**

*The foundation in establishing an institute of higher learning is to nurture individuals who are knowledgeable, competent, highly skilled, and able to apply those knowledge and skills gained into a variety of sectors and organisations. The inclination of the individuals in applying the knowledge and skills possessed should be in tandem with a comprehensive and effective learning strategy parallel to the requirements of the markets and nation. National Higher Education Research Institute (NAHERI) in a 2003 research found that students in Institutes of Higher Education have not been exposed to career issues. Students, especially within the social sciences streams, generally have not prepared sufficiently on their career paths and find themselves taking a longer while before*

*settling into stable careers suitable to their knowledge, skills and personalities. This research has been conducted to identify the level of career awareness among students and its relationship to learning strategies they have adopted in achieving their career aspirations. The research makes use of qualitative research design by utilising focus group sessions as the main instrument in research data collection. Informants for this research are made up of students within the Islamic Studies stream of various concentrations. In summary, analysis of research findings result points out that the relationship between career awareness level and career aspirations among informants is moderate. Students involved in the research are aware of their intended career paths but have not managed to identify the specific criteria and strategies to better equip themselves with knowledge on the requirements of the career paths. Consequentially, the skills and knowledge acquired by the students while at institutes of higher education do not showcase the requirements necessary in their career aspirations.*

*Keywords: Learning Strategies, Education, Career, Islamic Studies, Career Awareness*

## **PENDAHULUAN**

Usaha untuk mempertingkatkan pendidikan individu lazimnya datang dari keinginan individu tersebut memenuhi dan menyesuaikan diri dengan perubahan sosio ekonomi persekitarannya. Selain dari kesedaran mengenai kepentingan ilmu pengetahuan, peningkatan dalam pendidikan ini juga penting dalam melahirkan manusia-manusia yang bebas, berilmu, dinamik, bijaksana dan kreatif dalam mengatur perancangan serta membuat keputusan. Penubuhan lebih banyak institusi-institusi pengajian tinggi di seluruh Nusantara ini sama ada milik kerajaan atau swasta penting bagi menampung keperluan dan permintaan terhadap pendidikan tinggi yang meningkat saban tahun. Pendidikan pada peringkat ini sangat penting khususnya dalam menghasilkan manusia yang peka pada setiap inci perkembangan ilmu dalam segenap aspek kehidupan. Penambahan jumlah universiti akan mempertingkatkan kerjasama kepakaran antara institusi-institusi pendidikan tinggi bagi membentuk graduan-graduan yang lebih berdaya saing sekaligus mampu memenuhi aspirasi dan cita-cita negara. Justeru, makalah yang ini telah membincangkan dapatan penyelidikan berkenaan sejauhmanakah penggunaan strategi pembelajaran oleh pelajar-pelajar bidang sains sosial dari aliran pengajian Islam dan hubungannya dalam memenuhi keperluan sektor-sektor pekerjaan.

## **STRATEGI PEMBELAJARAN**

Perubahan pesat yang berlaku dalam senario pengajian tinggi di negara ini memberikan persaingan baru yang lebih mencabar dan bersifat kompetitif. Kualiti, inovasi, jati diri, kecemerlangan dan keseimbangan dalam semua hal terutama pada graduan-graduan yang dihasilkan adalah sangat penting dalam membentuk kualiti sesebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sekaligus mempengaruhi penerimaan pasaran terhadap kebolehpayaan seseorang graduan. Hal ini selaras dengan apa yang terdapat dalam objektif Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Malaysia (PSPTN) teras 2 yang telah menentukan *Generic Students Attribute (GSA)* adalah indikator penting dalam menentukan sejauhmana IPT berjaya menghasilkan graduan berkualiti dan mempunyai ciri-ciri kebolehdapatan pekerjaan (Kementerian Pengajian Tinggi 2003) . Graduan yang berkualiti, yang mampu memenuhi aspirasi pasaran lazimnya adalah graduan yang memiliki kualiti sendiri yang tinggi, pintar dalam pengurusan masa dan serta bijak merencana strategi pembelajaran untuk mencapai matlamat yang diingini.

Tajul Ariffin menjelaskan, gaya pembelajaran yang berkesan perlu dilaksanakan jika seseorang pelajar berhasrat meningkatkan kualiti dan prestasi akademiknya secara konsisten. Menurutnya, strategi pembelajaran yang betul adalah merangkumi kawalan kepada aspek-aspek seperti interaksi dan prioriti. Interaksi bermaksud bagaimana seseorang pelajar itu mampu membina, memelihara

dan mengoptimumkan jaringan dengan guru-gurunya sama ada dalam pembelajaran formal (kuliah dan tutorial) atau di luar pembelajaran formal. Manakala prioriti pula bermaksud bagaimana seseorang pelajar itu meletak, memilih dan mengaplikasi keutamaan yang dipilih dalam proses pembelajaran. Kelemahan dalam membentuk dan menyelesaikan proses dan strategi ini akan menjejaskan pencapaian akademik pelajar-pelajar (Tajul 1989: 3-9)

Weinstein & Mayer (1986:316) menyatakan kejayaan seseorang dalam mencapai apa jua matlamat banyak dipengaruhi oleh sejauhmanakah penggunaan dan pelaksanaan strategi pembelajaran yang berkesan kerana strategi pembelajaran memberi kesan yang berbeza pada pencapaian pelajar dalam bidang akademik. Dansereau (1985:209) Kardash et al. (1991:117) menyatakan strategi pembelajaran adalah satu proses tingkahlaku yang tersusun untuk mendapatkan maklumat tertentu sama ada yang zahir atau yang tersembunyi semasa proses pembelajaran. Proses ini melibatkan beberapa aktiviti yang digunakan oleh pelajar dalam memperolehi ilmu pengetahuan dalam pembelajaran seperti kaedah perolehan, kaedah penyimpanan dan kaedah pengaplikasian. Strategi pembelajaran ini berbeza mengikut kemahiran kognitif, sikap dan tingkahlaku, dorongan dan motivasi serta latarbelakang seseorang individu. Ia juga sering dikaitkan dengan kemampuan individu untuk memilih dan mempelbagaikan strategi dalam usaha mencapai matlamat mereka.

Weinstein & Mayer (1986: 324-325) telah menyenaraikan 10 ciri penting dalam merangka dan membina strategi pembelajaran iaitu sikap, motivasi, pengurusan masa, tahap kebimbangan, tahap penumpuan, kemampuan memproses maklumat, kemampuan memilih idea utama, kemampuan memilih bahan sokongan, kemampuan penilaian sendiri dan strategi menghadapi peperiksaan. War & Allan (1998: 88-99) pula telah menggariskan satu model strategi pembelajaran yang melibatkan tiga strategi utama iaitu:

(1) Strategi pembelajaran kognitif

- (a) Melibatkan strategi mendapatkan maklumat secara latihan, menyenaraikan semula maklumat itu secara kasar atau pembelajaran secara permukaan (*surface learning*) tanpa mencari makna sesuatu (*meaning orientation*).
- (b) Melibatkan strategi mengorganisasi dan menganalisa maklumat dalam bentuk yang jelas, tersusun, padat dan kemas.
- (c) Melibatkan strategi menghurai maklumat dengan lebih terperinci dengan mengambil berat maklumat-maklumat terkini pada perkara yang berkaitan dalam proses menghuraikan dan menghasilkan dapatan maklumat yang segar.

(2) Strategi pembelajaran tingkahlaku

- (a) Melibatkan strategi mendapatkan maklumat dari bahan-bahan konkrit seperti buku, dokumen, laman sesawang dan sebagainya.
- (b) Melibatkan strategi mendapatkan maklumat dari sumber individu seperti kawan, guru dan sebagainya.
- (c) Melibatkan usaha mengaplikasi dan meningkatkan penggunaan maklumat-maklumat yang diperolehi secara latihan, perbincangan atau perbincangan serta membuat rumusan konkrit terhadap maklumat-maklumat tersebut.

### (3) Strategi pengurusan sendiri

- (a) Strategi mengawal emosi; mengelakkan kebimbangan dengan menanam sikap ingin berjaya atau sebaliknya.
- (b) Strategi mengawal motivasi; mengekalkan motivasi diri (dalam dan luaran) pada tahap yang positif yang dikehendaki.
- (c) Strategi penilaian sendiri; membuat penilaian terhadap kemampuan diri dan bersedia untuk melakukan perubahan berdasarkan keputusan penilaian

Selain strategi pembelajaran, faktor lain yang berkait rapat dalam mempengaruhi kejayaan seseorang mencapai matlamat adalah gaya pembelajaran (Shahabuddin et al. 2003). Gaya pembelajaran adalah merujuk kepada maksud kesukaan atau ketidaksukaan dan cara berkelakuan yang menjadi ciri seseorang individu (Kamus Dewan 2010:440). Lazimnya ia berkait rapat dengan sikap dan tingkah laku individu yang mengamalkannya. Gaya pembelajaran ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu (Shahabuddin et al. 2003: 18);

#### **Aktivis**

Individu yang mempunyai gaya pembelajaran aktivis dikategorikan sebagai individu yang berminat kepada pengalaman dan '*obses*' terhadap kaedah berpasukan. Mereka juga bersikap ingin mencuba sesuatu yang baru. Kehidupan mereka adalah aktif dan sentiasa dipenuhi dengan aktiviti. Mereka berminat kepada pengalaman baru, yang mencabar tetapi mereka mudah berasa bosan terhadap peraturan yang terperinci. Individu ini biasanya bertindak dahulu sebelum mempertimbangkan kesannya. Mereka kebiasaannya menyelesaikan masalah melalui kaedah sumbangsaran.

Golongan pelajar ini tidak memerlukan dorongan daripada orang lain ataupun menunggu seseorang yang akan memberi dorongan kepadanya. Mereka lebih selesa untuk mengambil tindakan atas inisiatif sendiri. Individu aktivis merupakan seorang yang peramah dan suka bersosial tetapi aktiviti yang dilakukan sering tertumpu kepada persekitaran dirinya sendiri. Individu yang mempunyai gaya pembelajaran aktivis mempunyai fikiran terbuka dan ingin mengambil tahu akan perkembangan terbaru dalam pembelajaran serta persekitarannya. Golongan aktivis adalah golongan yang kreatif dan mampu menghasilkan idea-idea serta jalan penyelesaian yang kreatif dan menarik dalam situasi-situasi pengajaran dan pembelajaran yang ditimbulkan oleh guru. Oleh kerana mereka mempunyai banyak idea, guru perlu mengatur strategi pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan aktiviti sumbangsaran dan perbincangan.

#### **Reflektif**

Individu yang mempunyai gaya pembelajaran reflektif/reflektor berminat dalam mengulas pengalaman dan suka membuat pemerhatian melalui pelbagai perspektif. Mereka akan mengumpulkan maklumat yang banyak dan menganalisis pengalaman tersebut sebelum membuat sesuatu keputusan. Mereka biasanya memberi keutamaan dalam mengumpul dan menganalisis maklumat maka keputusan yang dibuat akan memakan masa yang agak lama. Mereka selalunya berfikir sebelum membuat tindakan. Mereka sangat berhati-hati dan gemar menjauhkan diri daripada terlibat dengan perbincangan sebaliknya berminat memerhati tingkah laku manusia di sekelilingnya. Mereka suka melibatkan diri dalam matapelajaran Sains dan sering membuat kesimpulan berdasarkan pemerhatian sendiri, pemerhatian rakan serta pemerhatian orang dewasa. Persepsi dan pengamatan mereka tajam dan sensitif terhadap perubahan yang berlaku di sekeliling mereka. Kemahiran memerhati dan berfikir mereka adalah tinggi.

## **Teoris**

Seseorang yang mengamalkan gaya pembelajaran secara teoritis mementingkan situasi bermatlamatkan logik. Mereka mudah terangsang kepada teori, model dan sistem pemikiran yang praktikal atau menerima unsur logik. Masalah diselesaikan secara penaakulan langkah demi langkah yang logik iaitu melalui kaedah menganalisis serta mensintesis. Mereka berpegang kepada 'jika ianya logik maka ia boleh digunakan'. Mereka sering mempersoalkan tentang dasar bagi sesuatu perkara yang diketengahkan. Oleh itu, mereka lebih bersifat analitik dan mengutamakan ketetapan daripada bersifat global dan subjektif.

Aspek emosi adalah tidak begitu penting untuk individu yang mempunyai gaya pembelajaran teoritis. Mereka lebih mementingkan rumusan atau kesimpulan yang dibuat berasaskan bukti, analisis, kenyataan atau idea. Oleh yang demikian, rumusan atau kesimpulan yang dihasilkan oleh mereka adalah kurang kreatif kerana terkongkong oleh bukti dan logik. Secara saintifiknya, mereka cenderung untuk menggunakan otak kiri untuk memproses maklumat yang mereka perolehi. Mereka bersifat objektif dalam melihat sesuatu pandangan atau idea daripada pelbagai perspektif supaya mereka dapat melihat situasi tersebut dengan lebih jelas. Kajian mendapati golongan lelaki didapati lebih cenderung kepada gaya pembelajaran teoritis

## **Pragmatis**

Kajian mendapati mereka yang mengamalkan gaya pembelajaran pragmatis adalah lebih yakin, banyak bercakap dan lebih proaktif mengikut perkembangan dan sentiasa mengekalkan tahap emosi yang tinggi. Golongan ini tertumpu kepada isu-isu yang praktikal dan berminat mengaitkan pembelajaran yang telah dipelajarinya dengan kaedah semasa yang digunakan. Mereka gemar mencuba idea, teori dan teknik untuk menguji sama ada ia berguna atau tidak dalam situasi sebenarnya.

Golongan pragmatis berpegang kepada 'kaedah sentiasa ada' dan 'jika kaedah itu berguna maka ianya baik'. Mereka gemar membincangkan perkara yang tidak mempunyai objektif dan tidak mempunyai keputusan tetap kerana mereka adalah golongan yang suka membuat keputusan secara praktikal dan gemar menyelesaikan masalah secara cuba jaya. Mereka adalah golongan yang ekspresif iaitu mereka yang merasa puas hati apabila berjaya dalam sesuatu perkara baru atau eksperimen. Pelajar pragmatis juga bersifat kreatif dan inovatif kerana mereka akan sentiasa cuba untuk memperbaiki sesuatu idea supaya ia dapat digunakan sebaik-baiknya dalam situasi yang sebenar. Pada kebiasaannya pelajar pragmatis adalah terdiri daripada pelajar lelaki dan mereka menggunakan otak kanan untuk memproses maklumat yang diperolehi.

Kepelbagaian gaya pembelajaran sebagaimana disebutkan di atas hanyalah sebahagian daripada gaya-gaya pembelajaran yang begitu luas dan subjektif. Seseorang individu tidak terhad untuk memiliki hanya satu gaya pembelajaran untuk mencapai sesuatu kejayaan atau matlamat sebaliknya mesti bersikap lebih terbuka, luwes dan fleksibel bagi menyerap masuk kepelbagaian gaya bagi menyesuaikan dengan faktor masa, persekitaran dan suasana (Shahrin 1998). Bagi Razali (2009), graduan-graduan pengajian Islam khususnya harus memiliki gaya pembelajaran tertentu kerana mereka telah melalui satu proses yang mantap melalui kepelbagaian metode pembelajaran dari pelbagai dasar dan institusi yang telah dibentuk oleh kerajaan. Bagi mengelakkan pengangguran, graduan Pengajian Islam tidak boleh hanya bergantung kepada minat dan penguasaan ilmu semata-mata tetapi perlu memiliki nilai tambah (*value added*) yang komprehensif yang memenuhi tuntutan pasaran semasa. Kemahiran seperti bahasa, komunikasi dan kreatif akan mudah diterima pasaran dan mampu berinteraksi dengan masyarakat dengan lebih yakin dan sempurna.

Saufi (2009: 9) pula menegaskan, aspek kebolehpasaran graduan adalah agenda kritikal yang perlu dicapai dan pihak universiti mesti memainkan peranan mereka. Ini membolehkan graduan yang dihasilkan nanti mampu bersaing dalam pasaran yang semakin mencabar. Graduan yang memiliki kemahiran-kemahiran seperti ini hanya akan diperolehi jika pihak universiti dan pelajar bekerjasama merancang pembelajaran dan menetapkan halatuju yang jelas dan fokus kenapa dan mengapa mereka perlu mengambil seberapa banyak kesempatan semasa berada di institusi pengajian tinggi. Kajian yang berkaitan dengan kemampuan graduan memenuhi aspirasi pasaran juga perlu sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi membolehkan graduan ini secara sedar merasai cabaran yang akan mereka tempuh semasa dan selepas proses pembelajaran.

Bagi graduan pengajian Islam, persepsi negatif yang sekian lama membelenggu mereka mesti dihapuskan. Gelaran ustaz atau ustazah yang sering dikaitkan oleh masyarakat terhadap graduan pengajian Islam perlu dilihat dari perspektif yang lebih luas tidak hanya mengetuai acara keagamaan semata-mata sebaliknya berkeupayaan menguruskan sektor-sektor lain dengan lebih profesional bersandarkan kepada ciri dan nilai Islam yang tinggi (Razali 2009). Pandangan yang dangkal dan sempit ini seharusnya tidak mempengaruhi prestasi dan kekuatan graduan pengajian Islam. Graduan ini seharusnya keluar dari kelompok tradisi dan bangun menguasai sepenuhnya bidang yang dipelajari di samping mempertingkatkan kemahiran yang dikehendaki oleh pasaran dan kehendak semasa (Abdul Shukor 2009). Terdapat lima kriteria penting yang mesti dimiliki oleh graduan pengajian Islam dalam memenuhi aspirasi pasaran, iaitu (Razali 2009);

- (1) Menguasai ilmu fokus teras, iaitu menguasai sepenuhnya dari segenap sudut bidang ilmu yang dipelajari di universiti di samping peka dengan masalah dan cabaran semasa yang berlaku sama ada di peringkat nasional atau di peringkat antarabangsa yang berkaitan dengan bidang ilmu yang dipelajari.
- (2) Memperkayakan diri dengan ilmu kemahiran (*softskills*), iaitu memperkayakan diri dengan pelbagai kemahiran yang diperlukan dalam sektor pekerjaan seperti aplikasi ICT, pengucapan awam, penulisan ilmiah, kemahiran bahasa dan kamahiran lain yang dilihat perlu bagi sektor yang ingin diceburi.
- (3) Mempertajamkan diri dengan nilai-nilai kemahiran kepimpinan, iaitu menyediakan diri dengan nilai yang diperlukan dalam kepimpinan dan berorganisasi. Nilai ini adalah satu aset besar yang dikehendaki pasaran bagi memiliki pekerja yang cekap bertindak dan mempunyai kompetensi yang tinggi apabila bekerja.
- (4) Mempunyai pengetahuan ilmu elektif dan isu semasa, iaitu mempunyai pengetahuan secara asas ilmu lain khususnya yang mempunyai kaitan dengan bidang yang dipelajari tetapi di luar bidang yang dikuasai di universiti seperti psikologi, sosiologi, ekonomi, pengurusan, pendidikan dan sebagainya. Pengetahuan yang luas akan menjadikan graduan ini matang ketika dalam sikap dan tindakan khususnya ketika membuat sesuatu keputusan.
- (5) Memiliki akhlak dan disiplin yang tinggi, iaitu mempertahankan akhlak dan disiplin yang tinggi yang merupakan ciri asas ajaran Islam. Pemilikan integriti yang tinggi, sikap dan kualiti sahsiah yang dimiliki seharusnya menggambarkan imej dan ajaran Islam yang dibawa. Kualiti inilah yang akan menjadi aset dan nilai tambah yang menjadikan setiap graduan itu aspirasi pasaran.

Kelima-lima kriteria yang disebutkan di atas datang selari dengan strategi pembelajaran yang khusus melalui gaya pembelajaran yang terancang dan berkesan dalam usaha mencapai matlamat memperolehi manfaat yang maksimum daripada pembelajaran yang telah dilalui di institusi pengajian tinggi. Sikap dan tingkahlaku yang mengambil berat semua aspek yang dilalui semasa dalam proses pembelajaran bukan sahaja penting terhadap perluasan ilmu pengetahuan bahkan dapat mengenalpasti dengan jelas saingan dan keperluan-keperluan khusus dalam memenuhi kehendak semasa negara.

## **METODE KAJIAN**

Kajian ini telah menggunakan rekabentuk kajian kualitatif dengan menjadikan temubual kumpulan fokus sebagai instrumen utama bagi mengumpul data-data kajian. Selain itu, analisis kandungan turut digunakan bagi meneliti dokumen penting berkaitan kebolehpasaran graduan pengajian Islam di peringkat kebangsaan. Untuk tujuan ini juga kajian ini turut berkerjasama dengan Bahagian Penyelidikan JAKIM dan Persekutuan Pekerja-pekerja Malaysia (MEF) bagi mengenalpasti masalah yang berkaitan kebolehpasaran graduan. Populasi terdiri daripada pelajar tahun akhir aliran pengajian Islam institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Pemilihan pelajar dibuat dengan mengambilkira pelajar ini telah mengikuti hampir keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran termasuk telah melalui Latihan Amali Industri. Jumlah sampel yang telah dipilih sebagai Informan bagi kajian ini adalah seramai 72 orang daripada pelbagai jabatan dalam aliran pengajian Islam. Data-data kemudiannya ditranskripsi dan dianalisis menggunakan *emerging design*.

## **PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Ada dua aspek penting yang menjadi fokus penyelidikan ini. Pertama dari aspek kerjaya dan kedua, dari aspek strategi pembelajaran. Dilihat dari aspek kerjaya hasil analisis dapatan kajian mendapati hampir semua responden mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap pemilihan kerjaya masing-masing. Analisis dapatan kajian juga menunjukkan, terdapat tiga kategori utama yang dominan dalam pemilihan kerjaya pelajar. Pertama, pendidik (82%), kedua, pegawai agama (9%) dan ketiga, usahawan (5%) dan bakinya lain-lain. Peratusan ini memperlihatkan pelajar-pelajar ini sedar bahawa objektif utama melangkah masuk ke universiti adalah untuk memperolehi kerjaya yang stabil dan membina masa depan yang cerah. Namun demikian, sebahagian besar peserta (92%) yang ditemubual bukan sahaja tidak terdedah dengan realiti kerjaya yang dikehendaki, tetapi tidak mengambil inisiatif untuk membuat persiapan, atau berbincang dengan pihak-pihak yang berautoriti seperti kaunselor, pensyarah dan sebagainya bagi memperolehi maklumat berkaitan kerjaya. Umpamanya, peserta yang memilih pendidik sebagai kerjaya tidak mengetahui syarat dan kriteria yang berkaitan kerjaya pendidik. Peserta juga tidak menerokai seperti bertanya kepada mereka yang berpengalaman mengenai faedah yang akan diperolehi dan risiko yang akan berlaku dengan disebalik pemilihan sesuatu kerjaya.

Dari aspek strategi pembelajaran pula, secara umumnya, peserta yang terlibat tidak memiliki strategi pembelajaran yang khusus. Peserta tidak merancang satu strategi yang tertentu yang sesuai dengan kerjaya yang ingin mereka ceburi. Hanya sebahagian kecil (8%), peserta yang ditemubual mengambil tindakan sebaliknya. Namun peserta yang terdapat dalam kumpulan ini hanya memberi perhatian berasaskan kepada perkembangan dan persekitaran yang berlaku di kalangan keluarga mereka tetapi perincian kepada kerjaya yang ingin mereka ceburi seperti syarat-syarat mengenai kelayakan, skim gaji, hierarki pangkat dan keupayaan kerjaya tersebut membina dan menjamin masa depan masih lagi kabur. Umpamanya, mereka yang memilih kerjaya sebagai pegawai tadbir

agama memilih kerjaya tersebut kerana kerana tertarik dengan kerjaya bapanya adalah seorang yang menjawat jawatan tersebut. Tetapi apabila ditanya kriteria berkenaan kerjaya tersebut secara terperinci, peserta hanya memilih menjawab tidak athu dan tidak kisah.

Analisis dapatan temubual selanjutnya juga menunjukkan pelajar-pelajar tidak memiliki strategi pembelajaran yang khusus untuk dipraktikkan. Namun apabila dinilai hasil dapatan dengan teori gaya pembelajaran didapati peserta yang terlibat lazimnya mengamalkan gaya pembelajaran *aktivis* dan diikuti oleh gaya pembelajaran *teoris*. Gaya pembelajaran aktivis dikategorikan sebagai individu yang berminat kepada pengalaman dan '*obses*' terhadap kaedah berpasukan. Mereka juga bersikap ingin mencuba sesuatu yang baru namun mudah berasa bosan terhadap peraturan yang terperinci. Individu ini biasanya bertindak dahulu sebelum mempertimbangkan kesannya. Mereka kebiasaannya menyelesaikan masalah melalui kaedah sumbangsaran.

Golongan pelajar ini juga tidak memerlukan dorongan daripada orang lain ataupun menunggu seseorang yang akan memberi dorongan kepadanya. Mereka lebih selesa untuk mengambil tindakan atas inisiatif sendiri. Ciri gaya pembelajaran aktivis adalah pelajar berani mengambil risiko yang munasabah jika difikir bersesuaian serta mudah tertarik dengan idea dan pandangan yang baru. Contohnya, sebagaimana yang dinyatakan oleh responden P8JU:

*"...Pandangan saya pelajar PI kena berani menghadapi cabaran, kerana kita ni kan akan menjadi pemimpin dalam masyarakat pada suatu masa kelak.. dan saya suka kepada cabaran..."*

dan P6JBA:

*"...Kami kadang-kadang buat perbincangan semasa buat assignment ke... persiapan peperiksaan dan sebagainya.. dan dalam perbincangan tu saya minat kalau ada idea-idea baru..."*

Dalam temubual tersebut sebahagian besar responden menonjolkan sikap terbuka dan dapat meluahkan idea dan apa sahaja yang mereka rasa. Gaya pembelajaran aktivis ini amat sesuai untuk pelajar FPI kerana mereka sering terlibat dalam kelas, kuliah dan tutorial dan memerlukan penglibatan aktif mereka di dalam perbincangan bersama pensyarah. Pelajar jenis ini lebih berfikiran terbuka dan suka terlibat dengan sesi perbincangan seperti sumbangsaran. Namun sifat aktif yang dimiliki menyebabkan pelajar jenis ini bersikap tidak sabar dan tergesa-gesa dalam melakukan sesuatu kerja.

Dapatan seterusnya menunjukkan gaya pembelajaran yang gemar di amalkan oleh pelajar pengajian Islam adalah gaya pembelajaran berbentuk teoritis. Dalam Fakulti Pengajian Islam gaya pembelajaran seperti ini digunakan oleh pelajar-pelajar bagi aktiviti seperti menghafaz, memahami teori, mengetahui kaedah pendalilan, memahami konsep asas penetapan hukum seperti *qawa'id al-fiqhiyyah* sebelum membuat rumusan yang bersesuaian dalam menyelesaikan satu-satu masalah. Analisis temubual juga mendapati peserta hanya mementingkan kaedah hafazan terhadap teori dan memberi tumpuan kepada mengulangi apa yang dihafaz untuk tujuan peperiksaan sebagaimana contoh yang dinyatakan oleh responden P10JS:

*"...Kebolehpasaran pelajar PI pada pandangan saya antara sebab ialah pelajar hanya menumpukan kepada pointer di dalam peperiksaan sahaja dan hanya menghafaz pelajaran dan tak diamalkan..."*

Dapatan kajian ini juga menunjukkan kebimbangan kerana tidak ramai pelajar pengajian Islam yang mengamalkan gaya pembelajaran pragmatis. Gaya pembelajaran pragmatis ialah mereka yang mengutamakan aplikasi teori, hukum atau prinsip yang sedia ada dalam situasi yang sebenar. Ini kerana bidang pengajian Islam melibatkan banyak teori dan rumus yang pelbagai dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Gaya pembelajaran pragmatis menyamai pendekatan pembelajaran *Problem Based Learning* di mana pelajar belajar melalui penyelesaian masalah menggunakan teori atau rumus. Oleh itu, pelajar yang bersifat pragmatis dapat menguasai sesuatu subjek yang dipelajari dengan mudah setelah melalui sesi praktikal dan teori.

Sehubungan dengan itu, pelajar jenis ini juga bersikap lebih praktikal berbanding pelajar lain dalam pembelajaran yang diikuti. Mereka dikatakan gemar mencuba idea, teori dan teknik yang pelbagai dalam pembelajaran. Ini kerana, dalam pembelajaran pengajian Islam lazimnya melibatkan banyak teori dan rumus yang pelbagai dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Jelasnya, penuntut-penuntut pengajian Islam lebih gemar mengamalkan gaya pembelajaran aktivis disusuli gaya pembelajaran teoris. Adalah suatu yang membimbangkan apabila menjadi suatu kebimbangan gaya pembelajaran pragmatis tidak diaplikasikan dalam gaya pembelajaran namun demikian mereka sedar dan memperakui kepentingan pengaplikasian teori di dalam menyelesaikan masalah.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberi tumpuan kepada mengenalpasti tahap kesedaran kerjaya (*career awareness*) dalam kalangan pelajar aliran pengajian Islam di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan hubungannya dengan strategi pembelajaran yang telah dipraktikkan. Hasil analisis dapatan kajian yang telah diterangkan diharapkan dapat memberi impak kepada perkembangan dan penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran pengajian Islam di Malaysia sekaligus memberi sumbangan penting kepada pembangunan kemahiran siswazah pelajar-pelajar pengajian Islam.

## **RUJUKAN**

- Abdul Halim Ali, Abdul Halim Ibrahim & Zuraini Ramli (pnys). 2006. *Menanggapi keberkesanan dan perubahan*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Raman Aziz dan Sobri Sudin. 2000. Budaya kehidupan pelajar universiti: Pengamatan antara tiga etnik utama, kepelbagaian pelajar: Cabaran dan strategi pengajaran. *Seminar Pendidikan Kebangsaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia 31 Oktober – 1 November.
- Abdul Shukor Husin. 2009. Halatuju, matlamat dan cabaran pengajian Islam di Malaysia sekarang. *Seminar Pengajian Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia 22 Julai 2009.
- Creswell, John, W. 2007. *Designing and conducting mixed methods research*. USA: Sage Publication Inc.
- Dansereau, D.F. 1985. Learning strategy research. Dlm. Segal J.W, Chipman S.F & Glaser, R. (pnyt.) *Thinking and learning skills*: 209-239. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Hasliza Hassan. 2003. Kemahiran siswazah tidak tepati kehendak pasaran. *Berita Harian*, 25 April.
- Honey, P. dan Mumford, A. 1983. *Using your learning style*. Maidenhead: Peter Honey.
- Honey, P. dan Mumford, A. 1992. *The Manual of Learning Style*. (2<sup>nd</sup> ed.). United Kingdom: Peter Honey.
- Holland, J.L. 1985. *Making vocational choices: A theory of choices & work environment*. N.J: Prentice-Hall Inc.

- Holland, J.L. 1985. *A theory of vocational personality and work environment*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami. t.th. *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Bayrut, Lubnan: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.
- Kardash, C.M & Amlund, J.T. 1991. Self reported learning strategies and learning expository text. *Contemporary Educational Psychology*, 16: 117-138.
- Saufi Hamzah. 2009. *Melahirkan graduan ikut kehendak pasaran*. Berita Harian, 1 Oktober 2009: 19.
- Shahrin Awaluddin. 1998. Pendidikan Islam berasaskan realiti semasa. Dlm. Juriah Long (pnyt.). *Inovasi dalam perkaedahan pengajaran*, hlmn 151-163. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Laporan akhir kajian masalah-masalah pengangguran di kalangan siswazah*. Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara. Februari 2003.
- Neuman, William Lawrence. 2003. *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. 5th ed. USA: Pearson Education, Inc.
- Razali Shahabudin. 2009. Persepsi majikan terhadap graduan pengajian Islam. Dlm. *Seminar Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 22 Julai 2009.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd. Zohir Ahmad. 2003. *Pedagogi, strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Tajul Ariffin Nordin. 1989. Tinjauan masalah-masalah pembelajaran di kalangan pelajar berprestasi rendah: Kaedah perbincangan. *Jurnal personalia Pelajar* 2: 3-9.
- Warr, P.B & Allan, C. 1998. Learning strategies and occupational training. Dlm C.L. Cooper & I.T. Robertson (pnyt.), *International Review of Industrial and Organizational Psychology*, 13: 83-121.
- Weinstein, C.E & Mayer, R.E. 1986. The teaching of learning strategies. Dlm M.C, Wittrosk (pnyt.). *Handbook of research on teaching* (3<sup>rd</sup> ed.), hlm. 315-327. New York: MacMillan Publishing Company.

## **BIODATA PENULIS**

**Ahmad Munawar Ismail** [*PhD in Education*], Pensyarah Kanan di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Zakaria Stapa**, Profesor di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.